

# Nafi rompak RM200,000

**Kuala Lumpur:** Seorang penjual barang kitar semula dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan melakukan rompakan berkumpulan terhadap sebuah premis perkhidmatan wang berlesen membabitkan kerugian lebih RM200,000 dua tahun lalu.

Tertuduh, R Kunasekaran, 27, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Azman Ahmad.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh bersama-sama empat lagi yang masih bebas didakwa merompak secara

berkumpulan dengan bersenjatakan sebilah parang dan mengambil mata wang pelbagai negara berjumlah RM243,920.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu di sebuah premis perkhidmatan wang berlesen di Tesco Manjalara Kepong, pada jam 10.20 pagi, 26 November 2013.

Dakwaan terhadapnya dibuat mengikut Seksyen 395/397 Kanun Keseksaan yang memperuntukan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan boleh dikenakan sebat jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Siti Aisyah Ah-

mad tidak menawarkan jaminan kerana ia membabitkan kesalahan serius, bagaimanapun peguam V Mu niandy yang mewakili tertuduh memohon mahkamah memberi jaminan atas alasan anak guamnya adalah penanggung keluarga.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin beserta syarat tambahan iaitu serahan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di balai polis berhampiran setiap bulan.

Mahkamah kemudian menetapkan 27 Februari ini untuk sebutan.